



Mohd. Zamri beramah-mesra dengan seorang pelajar baharu di UMT, Kuala Nerus hari ini.

## UMT tawar tiga program teknologi tenaga baharu

Oleh MOHD AZLI ADLAN | 29 September 2025, 10:25 am



KUALA NERUS – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memperkenalkan tiga program baharu pada sesi kemasukan baharu 2025/2026 semalam.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr. Mohd. Zamri Ibrahim berkata, tiga program baharu tersebut ialah Sarjana Muda Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui dengan Kepujian, Sarjana Muda Teknologi Elektrik (Tenaga dan Kuasa) dengan Kepujian serta Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian.

"Penawaran program-program baharu tersebut selaras dengan keperluan semasa negara.

"Ia dijangka dapat melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, teknologi elektrik dan maritim pada masa hadapan," katanya selepas menyantuni pelajar-pelajar baharu di kampus UMT, Gong Badak di sini hari ini.

Seramai 2,105 pelajar baharu termasuk 15 dari luar negara mendaftar masuk ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Mohd. Zamri berkata, pelajar-pelajar antarabangsa tersebut dari dari pelbagai negara termasuk Maldives, India, Indonesia, Bangladesh, Sudan, Tanzania, Timor-Leste dan Kenya.

Beliau berkata, sebanyak 36 program pengajian di bawah tujuh fakulti ditawarkan termasuk tiga yang baharu.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd. Zamri berkata, kampus kedua UMT di Bukit Kor, Marang bakal mula beroperasi pada Ahad ini melibatkan 332 pelajar. – KOSMO! ONLINE